

ABSTRAK

Al-Wakālah merupakan salah satu transaksi penting dalam muamalah Islam dan dibincangkan oleh *muhaddithīn* dan *fuqaha*. *Al-Wakālah* menjadi transaksi dalam muamalah semasa khususnya dalam industri takaful. Justeru kajian ini bertujuan untuk menganalisis transaksi *al-Wakālah* berdasarkan kepada Hadith-Hadith Nabi SAW dalam *al-Kutub al-Sittah* dan menilai aplikasi prinsip *al-Wakālah* khususnya dalam industri takaful. Hasil penelitian pengkaji, dalam *al-Kutub al-Sittah* perbincangan secara khusus hanya terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang mengumpulkan Hadith-Hadith *al-Wakālah* dalam satu topik khusus. Selain itu, dalam *Sunan Abū Dāwūd* terdapat satu bab iaitu *Bab fī al-Wakālah* dalam kitab *al-Qaḍā'*. Dalam kitab-kitab Hadith yang lain ianya dibincangkan dalam topik-topik berkaitan Hadith berkenaan. Kajian pengkaji telah menganalisis 23 Hadith berkaitan *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah* dan berdasarkan takhrij ringkas, Hadith-Hadith *al-Wakālah* dibincangkan dalam 250 Hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* yang merangkumi pebagai aspek kehidupan manusia. Kajian merumuskan bahawa ruang lingkup perbincangan *al-Wakālah* dalam *al-Kutub al-Sittah* merangkumi lapan perkara utama iaitu *al-Wakālah* dalam jual-beli, perundangan, perkahwinan, hutang, korban, haji, zakat, dan juga sadaqah, wasiat dan hibah. Selain itu, mengenalpasti lapan prinsip *wakālah* iaitu [1] melantik dan menjadi wakil dalam perkara yang di benarkan syara', [2] wakil tidak menanggung kerugian sekiranya bukan dari kelalaiannya, [3] melantik wakil *ghaib*, [4] melantik wakil harus dengan keizinan pewakil, [5] melantik wakil bukan muslim, [6] kewajaran membayar upah (*al-Ajr*) kepada wakil, [7] mengamalkan sifat jujur dan amanah dalam perkhidmatan, [8] tegahan melantik dan menjadi wakil dalam perkara yang di haramkan syara'. Penilaian pengkaji terhadap aplikasi prinsip *al-Wakālah* dalam industri takaful mendapati ianya tidak bertentangan dengan syariat Islam dan berlandaskan kepada lapan prinsip *al-Wakālah* khususnya dalam perspektif muamalah.

ABSTRACT

Al-Wakālah is one of the most important contemporary transactions in *muamalat* discussed by *muḥaddithīn* and *fuqaha*. Today, it has been widely practised, especially in *takaful* industry. Therefore, the aim of the study is to analyse *al-Wakālah* transactions based on *hadiths* recorded in *Kutub al-Sittah* and to evaluate the application of its principles, in *takaful* industry. Based on the researcher's observation, only *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* and *Sunan Abū Dāwūd*—among *al-Kutub al-Sittah*—offer specific *hadiths* discussing the mode of transactions in a specific chapter. The study has analysed 23 specific *ḥadīths* on *al-Wakālah* recorded in the *al-Kutub al-Sittah*, and based on the simple *takhrīj*, *ḥadīths al-Wakalah* has been discussed in 250 *ḥadīths* of *al-Kutub al-Sittah* which applied in transaction of human life. The study concludes that the scope of discussion concerning *al-Wakālah* in *kutub al-Sittah* covers 8 main areas, namely: *al-Wakālah* in sale, law, marriage, debt, sacrifice, *hajj*, *zakat*, *ṣadaqah*, wills and grants. The researcher has also identified 8 principles of *al-Wakālah*, namely: [1] to appoint and to represent only in matters approved by the *shari'ah*, [2] the representative shall not bear any losses caused by other parties, [3] the appointment of absent representative (*wakil al-ghayb*), [4] to appoint representatives with their consent, [5] the appointment of non-Muslim representatives, [6] the reasonableness to pay the representatives, [7] to be honest and trustworthy in the transaction, [8] the prohibition in appointing or being a representative in matters forbidden by the *shari'ah*. The researcher's evaluation on the application of the principle of *al-Wakālah* in *takaful* industry finds that, it is not contradictory to the *shari'ah* and is based on 8 principles, particularly from the perspective of *muamalat*.